

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG  
[ALOR GAJAH - BN]**

**TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 73**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha yang diambil serta galakan yang diberikan untuk menggalakkan lebih golongan belia menceburi diri dalam pembangunan negara dan sama ada kriteria ini selaras dengan unsur-unsur pembangunan negara yang dirangkumi oleh TN50.

**SULIT****JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha yang diambil serta galakan yang diberikan agar lebih golongan belia mencebur diri dalam pembangunan negara adalah berpandukan tujuh (7) bidang di dalam Transformasi Nasional (TN50) serta Dasar Belia Malaysia (DBM).
2. Transformasi Nasional (TN50) menggariskan tujuh (7) bidang dalam memenuhi aspirasi golongan belia seperti berikut :-
  - a) Urus Tadbir;
  - b) Gaya Hidup;
  - c) Nilai Murni;
  - d) Pembelajaran;
  - e) Pekerjaan;
  - f) Persekutaran; dan
  - g) Global.
3. Dalam pada itu, DBM juga telah menetapkan sembilan (9) Bidang Keutamaan Belia yang menjadi fokus utama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam pembangunan belia pada masa kini dan hadapan. Sembilan (9) bidang tersebut ialah :-

**SULIT**

- a) Pendidikan dan Latihan kemahiran;
  - b) Kenegaraan dan Jati Diri;
  - c) Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera;
  - d) Kepemimpinan;
  - e) Kesukarelawanan dan Masyarakat Sivil;
  - f) Keusahawanan;
  - g) Penyelidikan dan Inovasi;
  - h) Profesionalisme Kerja Belia; dan
  - i) Pengiktirafan.
4. Kriteria ini selaras dengan unsur-unsur pembangunan negara yang dirangkumi oleh TN50 serta bidang Keutamaan Belia ini digariskan bagi menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.